

## **ANALISIS LITERATUR TENTANG FIQH MUAMALAT BAGI ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA**

**MOHD MUSA BIN SARIP**

Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
mmusa@uis.edu.my

**MOHAMMAD YUSEF NITEH**

Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
myosef@uis.edu.my

**MOHD KAMARUL KHAIDZIR BIN SAADAN**

Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
khaidzir@uis.edu.my

### **ABSTRAK**

*Pada masa ini menimbulkan persoalan sejauh manakah penyelidikan fiqh muamalat berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) secara spesifik di Malaysia. Muamalat merujuk kepada hukum-hukum syarak yang disusun untuk membolehkan urusan tentang harta sesama manusia dan ia meliputi pertukaran harta seperti jual beli dan sewaan, sukarela menderma harta seperti hibah, wakaf dan wasiat, menggugurkan hak harta seperti menggugurkan hutang dan perkongsian, amanah seperti gadaian, jaminan dan pemindahan hutang. Oleh itu, analisis literatur sangat penting untuk mengenal pasti gambaran menyeluruh mengenai perkembangan penyelidikan fiqh muamalat khususnya berkaitan dengan OKU dan isu-isu fiqh yang berlaku dalam situasi semasa. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen. Dapatan kajian mendapati fiqh muamalat OKU menjurus kepada aspek-aspek utama antaranya cabang muamalat, ketakupayaan, kemudahan teknologi dan fasiliti.*

**Kata kunci:** Orang Kurang Upaya, muamalat

### **PENDAHULUAN**

Fiqh muamalat, sebagai cabang penting dalam perundangan Islam yang mengatur transaksi dan urusan kewangan, memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk kerangka ekonomi dan sosial masyarakat Muslim. Namun, kajian mengenai penerapan fiqh muamalat bagi golongan orang kurang upaya (OKU) masih kurang mendapat perhatian, meskipun keberadaannya dalam masyarakat adalah penting dan memerlukan perlindungan yang setara di sisi undang-undang.

Orang Kurang Upaya (OKU) merangkumi pelbagai kategori kecacatan yang melibatkan aspek fizikal, mental, dan sosial yang mempengaruhi kemampuan individu untuk berfungsi secara normal dalam kehidupan sehari-hari. Kategori pertama adalah OKU dengan kecacatan fizikal, yang meliputi individu yang mengalami gangguan mobiliti atau kehilangan anggota badan yang membatasi gerakan mereka dan kebebasan bergerak. Mereka mungkin memerlukan bantuan teknologi atau alat bantu untuk membantu dalam aktiviti harian mereka.

Selain itu, terdapat juga OKU dengan kecacatan mental atau psikososial. Ini merujuk kepada individu yang menghadapi cabaran dalam fungsi kognitif atau emosi mereka, seperti autisme, gangguan bipolar, atau skizofrenia. Kecacatan ini dapat mempengaruhi interaksi sosial mereka, persepsi dunia, dan kemampuan mereka untuk menjalankan tanggungjawab harian. OKU dengan kecacatan pendengaran atau penglihatan juga merupakan kategori yang signifikan. Individu dalam kategori ini mungkin mengalami kehilangan pendengaran sepenuhnya atau sebahagian, atau masalah penglihatan yang serius seperti buta atau rabun. Mereka memerlukan bantuan alat atau teknologi untuk berkomunikasi dengan orang lain atau melakukan aktiviti visual.

Selain itu, kecacatan pembelajaran adalah kategori lain yang melibatkan individu yang mengalami kesulitan dalam memahami atau mengekalkan maklumat. Contohnya termasuk disleksia, dispraksia, atau kesulitan dalam memproses maklumat. Kecacatan ini dapat mempengaruhi prestasi akademik mereka dan interaksi mereka dalam pengaturan sosial. Akhirnya, ada OKU dengan kecacatan kronik atau jangka panjang, seperti penyakit kronik atau kecacatan fizikal stabil yang memerlukan pengurusan kesihatan berterusan atau sokongan jangka panjang. Mereka mungkin mengalami cabaran berterusan dalam menjaga kesejahteraan dan memerlukan sokongan dari masyarakat dan sistem kesihatan.

Perbincangan mengenai Fiqh Muamalat bagi Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan topik yang penting dan sensitif dalam konteks keadilan sosial dalam Islam. Fiqh muamalat memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan inklusiviti dan keadilan terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) dalam urusan kewangan dan perniagaan. Prinsip-prinsip syariah yang terkandung dalam fiqh muamalat memberikan panduan yang jelas mengenai perlindungan hak-hak OKU, memastikan mereka mendapat akses yang sama kepada sumber ekonomi seperti pembiayaan mikro, pinjaman tanpa faedah, dan sokongan kewangan lain yang mematuhi syariah. Dengan mengaplikasikan prinsip ini, masyarakat dapat membina sistem kewangan yang lebih adil dan menyeluruh, di mana OKU tidak terpinggir tetapi dilibatkan dalam pelbagai aspek ekonomi.

Selain itu, fiqh muamalat juga menyumbang kepada pembangunan sosial yang lebih inklusif. Dengan memastikan OKU dilibatkan dalam urusan muamalat, fiqh muamalat membantu dalam meningkatkan taraf hidup mereka melalui peluang-peluang ekonomi yang adil. Ini membolehkan OKU memainkan peranan aktif dalam ekonomi dan menyumbang kepada pembangunan negara. Dalam konteks ini, fiqh muamalat bukan sahaja bertindak sebagai alat penguatkuasaan undang-undang tetapi juga sebagai mekanisme pemberdayaan ekonomi bagi golongan yang kurang bernasib baik.

## **METODOLOGI**

Artikel ini menggunakan kaedah sorotan literatur sistematik bagi mengenal pasti maklumat-maklumat yang berkaitan dengan fiqh muamalat bagi OKU khususnya di Malaysia. Pemerhatian, penilaian dan pemilihan artikel dilakukan mengikut kata kunci yang telah dikenal pasti terlebih dahulu.

Langkah pertama yang dilakukan dalam mencari artikel sorotan literatur untuk fiqh muamalat bagi OKU ialah dengan mengakses artikel-artikel berkenaan di dalam pangkalan data *Google Scholar*. Pengkaji telah menggunakan kata kunci “transaksi” AND “OKU” untuk

meneroka item berkaitan tanpa dihadkan tahun penerbitan. Hasil carian terdapat lebih 2050 item yang berkaitan.

Seterusnya pengkaji melakukan tapisan di pangkalan data *Google Scholar* dengan menggunakan kata kunci “OKU” AND “transaksi” AND “muamalat” dan kata kunci “OKU” AND “muamalat”. Dalam carian ini hanya terdapat 657 item yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, artikel yang diterbitkan secara tesis telah dikeluarkan dan hanya artikel yang diterbitkan dalam bentuk jurnal dan prosiding sahaja yang telah dipilih serta dikaji. Artikel yang tidak relevan adalah artikel yang tidak berkaitan dengan topik fiqh muamalat dan tidak membincangkan OKU. Selepas proses tapisan dijalankan terdapat tujuh buah artikel yang diambil untuk dianalisis seterusnya. Penggunaan excel untuk memudahkan pengkaji melakukan tema, sub tema dan kod untuk analisis artikel secara menyeluruh dan sistematik.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada analisis yang telah dijalankan dapat dibahagikan kepada beberapa topik seperti berikut:

### Jumlah Penerbitan

Merujuk kepada Jadual 1 di bawah, sebanyak tujuh artikel telah ditemui bermula pada tahun 2017 sehingga tahun 2023. Tahun 2020 merupakan tahun yang paling tinggi jumlah terbitan artikel berbanding dengan tahun-tahun yang lain iaitu sebanyak tiga buah artikel (43%) diikuti tahun 2023 sebanyak 2 buah artikel (29%).

Bil.	Tahun Penerbitan	Bilangan Penerbitan	Peratus (%)
1.	2023	2	29
2.	2020	3	43
3.	2018	1	14
4.	2017	1	14
	Jumlah	7	100

Jadual 1: Tahun penerbitan dan bilangan artikel daripada pangkalan data *Google Scholar*

### Pengarang Dan Metod Kajian

Berdasarkan kepada Jadual 2 di bawah didapati bahawa tiga kajian keperustakaan telah dijalankan berkaitan dengan OKU di Malaysia. Artikel-artikel kajian menyentuh aspek perbincangan hukum dan sorotan kajian secara sistematik. Manakala tiga buah artikel telah dijalankan dengan menggunakan metode kajian kualitatif secara temu bual antaranya “Pelaksanaan Fiqh Muamalat Orang Kelainan Upaya (OKU) Di Malaysia: Isu Dan Cabaran” dan “Pelaksanaan Kontrak Muamalat oleh Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Buta dalam Sistem Kewangan Islam”. Dua kajian melibatkan dokumentasi berkaitan tentang topik wisayah dan amanah menurut undang-undang di Malaysia.

Bil.	Pengarang	Tajuk	Tahun Penerbitan	Metode Kajian
1.	Azman Ab Rahman, Hairullfazli Mohammad Som, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi & Muhamad Firdaus Ab Rahman	Isu Fiqh Muamalat Golongan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Hukum	2018	Kajian Keperpustakaan
2.	Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang & Badruddin Hj Ibrahim	Konsep Wisayah daripada Perspektif Syariah: Analisis Pelaksanaannya di Majlis Agama Islam Negeri	2020	Kajian Dokumentasi
3.	Muhammad Hamizan Ab Hamid, Mohd Amzari Tumirani, Durriyyah Sharifah Hasan Adli, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Amir Muhriz Abdul Latiffvi & Mohd Zaid Daud	A Systematic Literature Review (SLR) Study On The Level Of Eligibility Of Al-Ahliyyah For Muslim Individuals With Disabilities	2023	Kajian Keperpustakaan
4.	Abdulsoma Thoarlim, Azman Ab Rahman & Norlina Ismail	Pelaksanaan Fiqh Muamalat Orang Kelainan Upaya (OKU) Di Malaysia: Isu Dan Cabaran	2017	Kajian Temu bual
5.	Azman Ab Rahman, Mohamad Anwar Zakaria, Muhd. Faiz Abd. Shakor, Nurul Shazwani Nordiniv & Nur Ain Syafiqah Rahmat	Sorotan Literatur Kajian Kurikulum Pendidikan Islam Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia	2020	Kajian Keperpustakaan
6.	Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang & Nasrul Hisyam Nor Muhammad	Wişayah Dan Amanah: Analisis Perbandingan Undang-Undang Syariah Dan Sivil Dalam Perancangan Harta Pusaka	2020	Kajian Dokumentasi dan Temu bual
7.	Ruzian Markom, Mohamad Anwar Zakaria & Azman Ab Rahman	Pelaksanaan Kontrak Muamalat oleh Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Buta dalam Sistem Kewangan Islam	2020	Kajian Temu bual

Jadual 2: Pengarang, Tajuk dan Metode Kajian

Berdasarkan kepada tujuh artikel yang telah disenaraikan, sebanyak dua tema utama telah dikenal pasti yang berkaitan dengan fiqh muamalat bagi OKU telah dibina. Dua tema tersebut adalah tema kategori OKU dan tema kontrak muamalat. Perbincangan setiap tema dan sub tema adalah seperti berikut:

### **Tema Kategori OKU**

Matlamat utama di dalam urusan sesuatu kontrak sesama manusia adalah untuk memberi keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat. Dalam menjayakan proses keadilan dalam kalangan OKU, hasil kajian daripada sarjana banyak menggariskan pematuhan kepada syarat-syarat bermuamalat Islam menentukan keadilan dan keabsahan sesuatu kontrak yang dilakukan. Sub tema pertama adalah berkaitan dengan kedudukan keahlian OKU dalam perkara muamalat yang hendak dilakukan.

Menurut Muhammad Hamizan Ab Hamid et. al, (2023) yang telah membincangkan dua aspek keahlian bertingkah laku dalam syariat Islam iaitu aspek *al-ahliyyah* sama ada *al-ahliyyah wujub* dan *al-ahliyyah al-ada* yang dikaitkan dengan OKU itu sendiri. Hal ini kerana OKU itu boleh dibahagikan kepada kecacatan fizikal dan kecacatan mental. Penilaian yang mendalam hendaklah dilakukan bagi menilai sejauh mana kecacatan fizikal dan kecacatan mental seseorang OKU dibolehkan atau tidak pada perintah ke atas mereka. Oleh itu, perkara yang sama juga amat penting untuk mengukur sejauh mana keabsahan keterlibatan dalam sesuatu kontrak muamalat yang dilakukan untuk memelihara keadilan dan menjaga harta seseorang. Maka, pengkaji merumuskan tahap kemampuan mental OKU itu boleh diklasifikasikan kepada lima bahagian seperti Jadual 3 di bawah:

Bil.	Tahap Intelek	Jenis OKU	Halangan Syariah	Kedudukan Keabsahan Melakukan Kontrak
1.	Sakit mental yang sangat kritikal	Terencat akal dan autisme yang teruk	Terencat akal yang telah hilang keupayaan untuk memahami dan tidak mampu membezakan sesuatu	Tiada memiliki keahlian ( <i>al-Qasir</i> )
2.	Boleh berfikir tetapi tidak sampai ke tahap kebiasaannya	Terencat akal dan autisme ringan	Dungu	Memiliki sebahagian hak keahlian ( <i>Ahliyyatul Ada' Naqisah</i> )
3.	Boleh berfikir tetapi mempunyai masalah tingkah laku	ADHD	Terencat akal masih mampu memahami tetapi tidak sampai tahap yang dijangkakan	Memiliki sebahagian hak keahlian ( <i>Ahliyyatul Ada' Naqisah</i> )
4.	Mampu berfikir secara sederhana tetapi mempunyai masalah pembelajaran	Mempunyai kesukaran pembelajaran yang spesifik	Tiada	Memiliki hak keahlian sepenuhnya ( <i>Ahliyyatul Ada' Kamilah</i> )
5.	Mampu berfikir secara sederhana tetapi mempunyai masalah pergaulan sosial	Autisme berfungsi secara tinggi / sindrom Asperger	Tiada	Memiliki hak keahlian sepenuhnya ( <i>Ahliyyatul Ada' Kamilah</i> )

Jadual 3: Keabsahan Kontrak Bagi Orang Kurang Upaya

### **Tema Kontrak Muamalat**

Sub tema utama yang kedua dalam kajian ini adalah berkaitan dengan tema kontrak muamalat adalah seperti di bawah:

### **Kontrak Muamalat dan Amalannya**

Merujuk kepada Jadual 4 telah mengenal pasti tiga golongan OKU yang terlibat dalam kajian yang telah dijalankan iaitu golongan buta, pekak dan bisu. Golongan ini telah dibincangkan berkaitan dengan hukum kontrak jual beli dan amalan semasa di dalam sistem perbankan di Malaysia.

Hasil dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Azman Ab Rahman, Hairullfazli Mohammad Som, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi dan Muhamad Firdaus Ab Rahman (2018) mengenai kontrak jual beli bagi OKU khususnya kecacatan penglihatan, percakapan dan pendengaran. Hasil kajian berkaitan jual beli orang buta menyatakan sah jual beli pada barang yang tidak perlu dilihat mengikut pandangan mazhab Maliki. Manakala jual beli orang buta dan pekak pula adalah diharuskan kerana mereka boleh menggunakan bahasa isyarat atau pun tulisan.

Manakala kajian oleh Abdulsoma Thoarlim, Azman Ab Rahman dan Norlina Ismail (2017) berkaitan dengan amalan muamalat OKU didapati bahawa mereka mengalami beberapa kesukaran berurusan dan penindasan. Kesukaran berkomunikasi dengan pihak perbankan kerana tiada kemahiran berkomunikasi dengan bahasa isyarat. Selain itu, OKU juga tidak memahami istilah-istilah di dalam produk perbankan dan mengambil masa yang lama untuk membaca jawapan yang diberikan oleh pegawai bank secara bertulis.

Bahkan, kajian yang dilakukan oleh Ruzian Markom, Mohamad Anwar Zakaria dan Azman Ab Rahman (2020) berkaitan amalan mendapatkan pembiayaan daripada pihak perbankan melalui produk AITAB. Hasil kajian mendapati bahawa OKU buta adalah tidak digalakkan melakukannya kerana pembelian kenderaan memerlukan kepada penglihatan terhadap spesifikasi, bentuk, kualiti, dan sebagainya. Namun daripada aspek pelaburan melalui produk takaful mudharabah bagi orang buta dibenarkan kerana keharusan mereka untuk mewakili urusan kepada orang lain sama seperti peserta takaful.

Bil.	Tajuk Kajian	Kontrak Muamalat/Amalan	Kategori OKU	Perbincangan
1.	Isu Fiqh Muamalat Golongan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Hukum	Kontrak jual beli	Buta, Bisu, Pekak	1. Jual beli orang buta perlu melihat barang jualan 2. Jual beli buta dengan sifat barang 3. Jual beli orang bisu dan pekak
2.	Pelaksanaan Kontrak Muamalat oleh Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Buta dalam Sistem Kewangan Islam	kontrak AITAB dan kontrak mudharabah dalam produk takaful	Buta	Hukum OKU mendapatkan pembiayaan AITAB dan polisi Takaful Mudharabah.
3.	Pelaksanaan Fiqh Muamalat Orang Kelainan Upaya (OKU) Di Malaysia: Isu Dan Cabaran	Amalan jual beli dan perkhidmatan di perbankan	Buta, Pekak, Bisu	Penindasan dan kesukaran berkomunikasi antara dua pihak

Jadual 4: Kontrak Muamalat dan Amalannya

### **Kontrak Benefisiari Bagi OKU**

Manakala sub tema kedua dalam kajian ini berkaitan dengan akad benefisiari terhadap golongan OKU seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual 5 di bawah. Kontrak benefisiari melalui wisoyah ataupun amanah merujuk kepada golongan OKU sebagai pihak ketiga yang mendapat manfaat hasil daripada kontrak yang telah dilakukan oleh pihak lain bagi tujuan tertentu.

Bil.	Tajuk Kajian	Kontrak Muamalat	Kategori OKU	Perbincangan
1.	Konsep Wisayah daripada Perspektif Syariah: Analisis Pelaksanaannya di Majlis Agama Islam Negeri	Kontrak wisoyah	Al-Qasir (Benefisiari OKU)	Perbezaan dan pertindihan rujukan enakmen dan undang-undang.
2.	Wişāyah Dan Amanah: Analisis Perbandingan Undang-Undang Syariah Dan Sivil Dalam Perancangan Harta Pusaka	Kontrak wisoyah, Kontrak amanah sivil	Benefisiari OKU fizikal dan mental	Peramanahan di Amanah Raya Berhad (ARB)

Jadual 5: Kontrak Benefisiari Bagi OKU

Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang dan Badruddin Hj Ibrahim (2020) mendapati bahawa setiap negeri mempunyai enakmen, akta dan ordinan dalam urusan harta amanah orang Islam. Namun terdapat pertindihan dengan beberapa statut dalam undang-undang sivil. Ekuiti dan amanah adalah di bawah bidang kuasa mahkamah sivil walaupun melibatkan orang Islam. Kesannya harta amanah adalah tidak termasuk dalam kategori harta pusaka si mati.

Manakala tanggungjawab wasi berdasarkan peruntukan akta dan enakmen undang-undang keluarga Islam. Pengurusan nafkah kepada *al-qasir* adalah merujuk kepada Akta 303 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, Seksyen 72 (1) memperuntukkan kewajipan wasi untuk menguruskan keperluannya mengikut takat kuasa yang diberikan.

Manakala bagi keperluan pembayaran zakat bagi golongan OKU telah dinyatakan di bawah Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta 505, Akta Pentadbiran Undang Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, tidak dinyatakan secara jelas mengenai kewajipan wasi dalam menunaikan kewajipan zakat bagi harta *al-qasir*.

Seterusnya bagi urusan jual beli dan pelaburan bagi OKU pula, kuasa wasi dalam melaksanakan transaksi jual beli sama ada melibatkan harta alih dan tidak alih juga dapat dirujuk pada Seksyen 89, Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang dan Nasrul Hisyam Nor Muhammad (2020) telah mengkaji tentang kontrak wisoyah dan kontrak amanah dalam amalan semasa di Malaysia. Hasil penelitian terhadap konsep pelaksanaan amanah di ARB melibatkan akaun Amanah Sukarela dan akaun amanah mandatori beserta statut undang-undang sivil diperuntukkan, penulis melihat instrumen fiqh amanah sivil ini adalah menyamai konsep *wisayah* dalam Islam. Terdapat tiga perkara utama telah menimbulkan perbahasan seperti berikut:

i. Pembatalan akad amanah di dalam pelaksanaan Amanah Sukarela. Penderma bebas untuk meletakkan sebarang syarat di dalam surat ikatan amanah bagi harta yang diamanahkan. Ini termasuklah pembatalan amanah tersebut boleh berlaku pada bila-bila masa mengikut keinginan penderma. Malah penderma juga berhak untuk menentukan takat umur yang difikirkan layak dan kriteria-kriteria tertentu terhadap benefisiari untuk diserahkan. Konsep amanah ini adalah tidak bertepatan dengan konsep pemberian hibah yang sebenar. Di dalam Islam, perletakan syarat bagi sesuatu pemberian harta dibenarkan seperti yang diamalkan dalam konsep hibah bersyarat seperti 'umra dan ruqba. Akan tetapi, bagi pemberian mutlak (*inter vivos*), tidak dibenarkan berlaku pembatalan kecuali daripada seorang ayah kepada seorang anak atau daripada seorang datuk kepada seorang cucu.

ii. Pindah milik di dalam pengamalan amanah sivil sekarang, harta amanah yang dipegang oleh wasi masih menjadi hak milik penderma kerana ianya adalah suatu akad yang tersendiri. Pelaksanaan ini berbeza sama sekali dengan konsep hibah atas dasar kasih sayang kepada benefisiari kerana pindah milik dalam amalan hibah adalah jelas berlaku. Berbanding amanah sivil, penderma bebas untuk menikmati dan menggunakan harta amanah yang diperuntukkan kepada benefisiari tanpa pengetahuan benefisiari bahkan penderma bebas untuk mengubah

syarat peramanahan secara mutlak. Ini kerana, pemilikan sempurna (al-milk al-tam) tidak berlaku di pihak benefisiari.

iii. Ruang memanipulasi terhadap servis amanah sedia ada. Akaun amanah sivil yang diwujudkan oleh penderma adalah tidak termasuk dalam kategori harta pusaka yang perlu difaraidkan kepada ahli waris yang berhak. Pelaksanaannya adalah bebas dan tidak mengikut kadar hukum wasiat, iaitu hanya terhad 1/3 sahaja kepada bukan kepada ahli waris. Malah akaun amanah sivil tidak boleh dicabar kesahihannya di mahkamah. Oleh kerana itu, pelaksanaan amanah sivil ini dibimbangi menjadi satu hilah tidak syari' (al-ḥiyal ghayr shar'iyah) oleh penderma untuk mengelakkan harta pusakanya daripada diwarisi mengikut Hukum Syarak walaupun niat asalnya adalah baik.

### **Kurikulum Fiqh Muamalat Bagi OKU**

Bagi kajian berkenaan dengan kurikulum fiqh muamalat bagi OKU sangat terhad perbincangannya. Walaupun isu-isu dan cabaran telah dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini telah menunjukkan kepentingan kefahaman fiqh muamalat bagi OKU di Malaysia pada masa kini. Merujuk kepada Jadual 6 di bawah, pengkaji telah melakukan sorotan kajian terdahulu berkaitan dengan pendidikan Islam.

Bil.	Tajuk Kajian	Kontrak Muamalat	Kategori OKU	Perbincangan
1.	Sorotan Literatur Kajian Kurikulum Pendidikan Islam Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia	Kurikulum Fiqh OKU	Buta, Pekak, Bisu	Ketiadaan kurikulum Pendidikan Islam OKU peringkat sekolah mahupun IPT.

Jadual 6: Kurikulum Fiqh Muamalat Bagi OKU

Azman Ab Rahman, Mohamad Anwar Zakaria, Muhd. Faiz Abd. Shakor, Nurul Shazwani Nordiniv & Nur Ain Syafiqah Rahmat (2020) berkaitan kurikulum fiqh OKU. Hasil kajian mendapati keperluan pembangunan Model Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Khas berkaitan aspek Fiqh OKU bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar OKU dalam konteks Malaysia baharu.

### **PENUTUP**

Secara keseluruhan daripada kajian ini telah mengenal pasti dua tema utama iaitu tema kontrak muamalat dan tema kategori OKU. Bagi tema utama muamalat terdapat tiga sub tema telah dihasilkan iaitu kontrak muamalat dan amalannya, kontrak benefiasari bagi OKU dan kurikulum fiqh muamalat bagi OKU. Kontrak muamalat yang telah dibincangkan tertumpu kepada kontrak jual beli, kontrak AITAB, kontrak takaful dan kontrak wisayah yang berkaitan dengan golongan pekak, bisu ataupun buta.

Fiqh muamalat berfungsi sebagai alat pendidikan dengan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak-hak OKU. Dengan adanya kefahaman yang lebih mendalam mengenai peranan dan hak OKU dalam masyarakat, stigma dan diskriminasi yang sering kali dihadapi oleh golongan ini dapat dihapuskan. Pendidikan dan kesedaran yang berterusan mengenai kepentingan inklusiviti ini adalah penting untuk membina masyarakat yang lebih harmoni dan bertoleransi, di mana setiap individu, tanpa mengira kemampuan fizikal atau mental, dihargai dan dihormati.



Dalam situasi khas seperti kecemasan kewangan atau perniagaan, fiqh muamalat memberikan panduan yang komprehensif tentang bagaimana bantuan dan sokongan harus diberikan kepada OKU. Ini memastikan bahawa dalam keadaan krisis, OKU tidak terabai dan mendapat bantuan yang sewajarnya untuk mengatasi cabaran yang dihadapi. Panduan ini adalah selaras dengan prinsip keadilan dan kasih sayang dalam Islam, yang menekankan kepentingan membantu mereka yang memerlukan dan memastikan tiada individu yang terpinggir dalam masyarakat.

Akhirnya, dengan mengintegrasikan prinsip-prinsip fiqh muamalat dalam kehidupan harian, masyarakat dapat menunjukkan pengiktirafan dan penghormatan terhadap hak-hak OKU. Ini bukan sahaja mencerminkan ajaran Islam yang mementingkan keadilan dan kemanusiaan, tetapi juga memperkasa OKU untuk mencapai potensi penuh mereka dalam bidang ekonomi dan kewangan. Melalui pendekatan ini, fiqh muamalat dapat membina masyarakat yang lebih inklusif, adil, dan berdaya tahan, di mana setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk berjaya dan menyumbang kepada kesejahteraan bersama. Kajian lanjutan berkaitan kefahaman OKU terhadap fiqh muamalat perlu diberikan perhatian yang sewajarnya pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Azman Ab Rahman, Hairullfazli Mohammad Som, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi & Muhamad Firdaus Ab Rahman, 2018. *Isu Fiqh Muamalat Golongan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Hukum*. 4<sup>th</sup> Muzakarah Fiqh and International Fiqh Conference. Kuala Lumpur
- Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang & Badruddin Hj Ibrahim, 2020. *Konsep Wisayah daripada Perspektif Syariah: Analisis Pelaksanaannya di Majlis Agama Islam Negeri*. Journal of Muwafaqat Vol. 3, No. 2, 2020, pp. 01-21 Faculty of Syariah and Law, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor.
- Muhammad Hamizan Ab Hamid, Mohd Amzari Tumiranii, Durriyyah Sharifah Hasan Adli, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Amir Muhriz Abdul Latiffvi & Mohd Zaid Daud, 2023. *A Systematic Literature Review (SLR) Study On The Level Of Eligibility Of Al-Ahliyyah For Muslim Individuals With Disabilities*. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies. Vol. 30. No. 2.
- Abdulsoma Thoarlim, Azman Ab Rahman & Norlina Ismail, 2017. *Pelaksanaan Fiqh Muamalat Orang Kelainan Upaya (OKU) Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*. The International Seminar On Islamic Jurisprudence In Contemporary Society.
- Azman Ab Rahman, Mohamad Anwar Zakaria, Muhd. Faiz Abd. Shakor, Nurul Shazwani Nordiniv & Nur Ain Syafiqah Rahmat, 2020. *Sorotan Literatur Kajian Kurikulum Pendidikan Islam Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia*. Diskusi Syariah dan Undang-undang: Siri 1/2020.
- Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang & Nasrul Hisyam Nor Muhammad 2020, *Wişāyah Dan Amanah: Analisis Perbandingan Undang-Undang Syariah Dan Sivil Dalam Perancangan Harta Pusaka*. Jurnal Syariah, Jil. 28, Bil. 2 (2020) 157-188.

Ruzian Markom, Mohamad Anwar Zakaria & Azman Ab Rahman, 2020. *Pelaksanaan Kontrak Muamalat oleh Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Buta dalam Sistem Kewangan Islam*. *Journal of Contemporary Islamic Law* Vol. 5(2): 29-41 e-ISSN: 0127-788X